

## CABARAN INTELEKTUAL GOLONGAN QURANIS

Abur Hamdi Usman

[aburhamdi@kuis.edu.my](mailto:aburhamdi@kuis.edu.my)

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Rosni Wazir

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Suriani Sudi

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Mohd Norzi Nasir

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Sakinah Salleh

Al-Ikhsan Training and Motivation, Malaysia  
Zanariah Ismail

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)  
Azman Abdul Rahman

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

## ABSTRAK

Anti hadis di Malaysia bermula pada tahun 1986 melalui beberapa penulisan Kassim Ahmad. Antara karya yang menjadi polemik kepada beliau seperti ‘Hadis: Jawapan kepada Pengkritik’ dan beberapa idea untuk kembali menyemak hadis-hadis yang bercanggah dengan Al-Quran, bercanggah sesama hadis dan hadis-hadis yang mempertikaikan wanita. Namun persoalan pada hari ini, isu anti-hadis ini adakah terhenti hanya pada sosok tubuh tokoh Kassim Ahmad sahaja. Melalui tulisan-tulisan beliau yang bersungguh memperkenalkan kod-19 sebagai alternatif rujukan dalam Islam dan menafikan hadis menzahirkan sikap beliau yang tidak konsisten dan jauh dari neraca rasionaliti seseorang penulis apatah lagi sebagai seorang Muslim.

Kata Kunci: *Quranis, Pemikiran, Orientalis, Modernisme, Islamofascism*

## Pengenalan

Jika diperhatikan sejarah umumnya, yang mempelopori idea-idea penolakan terhadap anti-hadis adalah tokoh seperti Kassim Ahmad dengan idea beliau yang dikenali sebagai Quranis atau ajaran kod-19. Persoalan bibit permulaan golongan anti-hadis seperti Kassim Ahmad mempunyai corak yang sama dengan tokoh anti-hadis seperti Rashad Khalifa (1935-1990) yang telah memperkenalkan Kod-19. Kassim Ahmad menyatakan kekecewaannya terhadap golongan agamawan, menurut beliau yang

telah dikecewakan melalui pengalaman-pengalaman peribadi beliau terhadap golongan agama. Terpengaruh dengan faham Quranis, beliau cuba menubuhkan pertubuhan yang dikenali sebagai Jemaah Quran Malaysia, namun telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Begitu juga yang terjadi oleh pengasas kod-19 yakni Rashad Khalifa. Rashad Khalifa antara individu yang mencari dimensi berbeza dari hasil asuhan melalui jalan atau tradisi tasauf, yang menyebabkan beliau mendalamai pemikiran malah memeperkuuh pandangan-pandangan tidak perlunya untuk merujuk kepada hadis, cukup sekiranya kaum Muslimin hanya merujuk Al-Quran sebagai sumber kehidupan samada dari sudut akidah dan perundangan. Rashad Khalifa, yang memperkenalkan kod-19, mengatakan Quran memiliki formula yang terkandung dalam angka ke-19, kesan dari formula ini, beliau menolak beberapa ayat Al-Quran yang dianggap bertentangan dengan formula kod-19 ini. Kedua-dua tokoh ini dari kalangan muslimin sendiri, sedikit berbeza dengan pendekatan para orientalis yang mengkritik hadis secara berstruktur namun wujud beberapa pertikaian terhadap contoh dalam kritikan metodologi orientalis.

Ignaz Goldziher (1850-1921) merupakan salah seorang Orientalis yang terkemuka, beliau pernah belajar di Al-Azhar, Mesir selama setahun. Banyak kritikan-kritikan yang telah dilakukan oleh Ignaz terhadap tema-tema Al-Quran dan khususnya bidang Hadis. Pada tahun 1890, Institusi Pendidikan Barat telah menggunakan karya beliau berjudul *Muhammedanische Studien* sebagai rujukan dalam mendalamai bidang hadis. Selang beberapa tahun, Joseph Schacht (1902-1969) telah mengambil metodologi Ignaz dan menstrukturkan semula dalam karyanya *A Revaluation of Islamic Tradition*. Beliau juga telah menulis tentang *The Origin of Muhamedan Jurisprudence*.

Ignaz Goldziher telah mengemukakan bukti wujud hadis yang tidak dapat dipastikan ketulenan dari zaman Bani Umayyah. Memetik kata-kata Goldziher:

*"We are unlikely to have even as much confidence as Dozy regarding a large part of the Hadis, but will probably consider by far the greater part of it as the result of the religious, historical and social development of Islam during the first two centuries."*

Goldziher berpendapat hadis hanya wujud kesan dari keagamaan, sejarah dan pembangunan sosial awal abad ke dua hijrah. Cabaran yang dibawa oleh Ignaz Goldziher ini menuntut kepada kefahaman interdisiplin keilmuan antara ahli dalam bidang hadis dan juga sosial. Itu baru satu aspek yang disentuh, namun dalam kertas kerja ini, penulis akan membincangkan bagaimana faham anti-hadis atau Quranis ini harus dilihat bukan hanya dalam disiplin ilmu hadis sahaja, namun harus juga melihat kerpeluan yang mendesak dalam bidang ilmu seperti psikologi, sosiologi, falsafah dan sejarah.

## **Adakah Quranis golongan yang menolak hadis?**

Dalam memahami perbahasan anti-hadis, beberapa disiplin ilmu akan terkait juga seperti pemikiran, sejarah, ilmu sains kemasyarakatan malahan dalam memahami hujah golongan-golongan anti-hadis, golongan Quranis wajar diberi perhatian dalam beberapa pandangan mereka, yang terkesan juga dengan pendekatan disiplin dari orientalis.

Quranis merupakan kelompok yang berpegang dengan Al-Quran namun mengambil pendekatan yang berbeza terhadap sumber rujukan selain daripada Al-

Qur'an. Wujud kelompok Quranis yang menolak hadis seratus peratus, wujud kelompok Quranis yang menerima hadis sekadar satu periyawatan sejarah dan meninggalkan faham 'kenabian' dalam susuk tubuh para nabi mahupun rasul. Wujud juga kelompok Quranis yang menolak hadis yang dianggap bertentangan dengan ayat-ayat Al-Qur'an tanpa membuat rujukan dengan hadis-hadis yang lain terlebih dahulu.

Untuk merangkumkan keseluruhan golongan Quranis sebagai anti-hadis adalah sesuatu yang berat. Antara tokoh yang mempelopori idea-idea Quranis ini seperti Farouk A. Peru. Jika pembaca berkesempatan boleh melayari beberapa blog yang mendokong metodologi Quranist ini. Menurut Farouk, Quranis merupakan kelompok yang berbeza dengan sektarian Sunni atau Syiah, mereka juga berbeza dengan pecahan-pecahan kumpulan Muslim yang lain. Quranis adalah kelompok yang hanya mengambil Al-Quran sebagai rujukan utama, dan tidak menerima sumber lain sebagai rujukan.

### Kajian Kes Terhadap Farouk A. Peru

Farouk A. Peru merupakan seorang kolumnis di *Malay Mail*, seorang warganegara Malaysia yang berasal dari Penang dan mempunyai laman web yang mempelopori idea-idea Quranis. Beliau mendapat pendidikan Sarjana di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London. Kemudian melanjutkan pengajian Doktor Falsafah di Theology and Religious Studies, Islam and Postmodernity King's College London. Beliau telah menulis dua judul buku yang bertajuk *Introduction to Quran – An Existential Reading* dan *Critical Thinkers for Islamic Reform*.

Penulis merujuk beberapa laman web yang menerangkan tentang idea-idea beliau, seperti <https://faroukaperublog.wordpress.com/my-thought-systems/>. Menurut Farouk sistem pemikiran beliau adalah *Quranology*, *Existology*, *Person Al-Islam*, *PoBeing*, Quranis Islam dan turut mengulas berkaitan isu-isu di Malaysia yakni *Being Malaysia*. Namun kertas kerja ini hanya melihat pemikiran beliau berkaitan *Quranology*. Antara rujukan utama penulis berkaitan ini di blognya yakni (<https://quranology.wordpress.com/>). Penulis memilih tema *Quranology* kerana ia berkaitan dengan permasalah semasa ilmu dalam kajian hadis. Seperti tajuk penulisan ini, ingin menjelaskan keperluan masalah anti-hadis ini difahami bukan sahaja khusus dalam bidang disiplin hadis, namun masalah anti-hadis melangkaui disiplin-disiplin ilmu. Masalah anti-hadis adalah pertentangan faham Islam dan Modernisme.

Modernisme yang difahami bukanlah sekadar satu sejarah dalam garis masa dunia, namun ia juga membawa idea-idea perbincangan tentang faham kemanusiaan yakni humanisme, kalau dilihat perubahan dari perbincangan falsafah Barat dari perbincangan metafizik dan ketuhanan berakhir dengan perbincangan yang menumpukan tentang kepentingan dan kepuasan manusia sahaja yakni *human centric*. Pada hakikatnya menstrukturkan satu metodologi kajian yang menafikan konsep-konsep manusia yang diberikan kelebihan seperti konsep kenabiaan atau kesempurnaan insan.

## Pendekatan Farouk A. Peru

Dalam Videonya bertajuk *The Radical Dissociation Strategy*, Farouk cuba mentakrifkan istilah *reform*:

*Reform is not to conform, rather it is to form again. To reform, to bring it back to its original form.*

Pentakrifan terhadap istilah *reform* yang dilakukan oleh Farouq memiliki hujah falasinya tersendiri. Ia satu pentakrifan yang bertentangan, hal ini perlu dititik beratkan kerana ingin diketahui, apakah sebenarnya harapan Farouq dan ke manakah gagasan perubahan yang ingin dibawa. Alasan penulis mengatakan sedemikian, bila kita katakan *reform*, ia merujuk satu usaha dekonstruktif bentuk yang asal. Persoalannya, jika pentakrifan Farouq sendiri sudah tidak membantu untuk memahami apa yang cuba dibawakan. Adakah makna *reform* hanya merujuk, pengembalian kepada bentuk yang asal kerana merasakan ia pendekatan yang lebih tepat untuk memahami makna Al-Quran, merujuk idea-idea Farouq.

Seterusnya, Farouk membawa permasalah yang diistilahkan sebagai *deforming* atau *Islamofascism*, menurut beliau lagi ia merujuk kepada tafsiran terhadap sistem tradisi Islam yang menyebabkan wujudnya sistem yang menindas melalui kata-katanya:

*An interpretation of the Islamic Tradition which produces a system of oppression*

Farouk mengatakan kesan *Islamofascism* bila wujudnya golongan-golongan seperti ISIS yang membawa dalil-dalil dari hadis yang cenderung menghalalkan darah seorang Muslim untuk dibunuh apabila cukup syarat-syarat tertentu. Seterusnya, beliau mengemukakan langkah atau strategi untuk mencapai hasrat untuk kembali kepada Islam yang hanya merujuk kepada Al-Quran.

### Strategi Pertama: Pendekatan *Relativist Reading Strategy*

Menurut Farouq, pendekatan ini untuk melihat ‘makna yang ingin disampai’ kan sesuatu teks menurut pensejarahan, dan hanya menumpukan aspek perundungan tanpa memasukkan perbincangan teologi mahupun metafizik. Selain itu, penulis telah merujuk pandangan-pandangan Farouk A. Peru dalam sebuah wawancaranya. Beberapa soalan ditanyakan kepada beliau antaranya makna al-Qur'an, keaslian dan kebolehpercayaan Al-Qur'an sebagai rujukan, kenabian nabi Muhammad SAW, pemahaman Al-Quran berkaitan roh, hakikat insan menurut Quranis dan beberapa pertanyaan yang tidak berkait dengan subjek kajian anti-hadis.

Jika dilihat hujah yang diberikan oleh Farouq, bagaimana beliau memahami Al-Quran tanpa mengambil hadis sebagai rujukan. Dalam videonya *The Radical Dissociation Strategy in Islamic Reform* menyatakan bahasa yang digunakan Al-Quran adalah sesuatu yang bukan dalam persekitaran manusia, seandainya bahasa Arab digunakan sebagai merekod isi kandungan Al-Quran, ia adalah Bahasa Arab yang lebih tinggi daripada yang digunakan oleh manusia. Beliau memetik ayat Al-Quran Surah Toha ayat 114:

فَتَعْلَمُ أَنَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْفَرْءَانِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُفْصَى إِلَيْكَ وَحْيُهُ وَقُلْ  
رَبِّ زَدْنِي عِلْمًا ١١٤

Maksudnya:

*“Maka Maha Tinggilah Allah, yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Benar (pada segala-galanya) dan janganlah engkau (wahai Muhammad) tergesa-gesa membaca Al-Quran sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadamu dan berdoalah dengan berkata: Wahai Tuhanaku, tambahilah ilmuku.”*

Farouq memahami ayat ini menunjukkan keterbatasan bahasa yang digunakan oleh Rasul SAW untuk menyampaikan Al-Quran, Nabi Muhammad SAW sendiri memerlukan pengalaman kehidupan sehari-hari sebagai manusia untuk memahami Al-Quran. Beliau berkata lagi, dengan memberi contoh, perkataan *(دين)* mempunyai makna semantik yang hampir sama dengan perkataan *(دین)* yang membawa maksud hutang atau perjanjian. Beliau cenderung mengambil penafsiran perjanjian. Farouq menganggap, Al-Quran telah difahami hanya secara *superficial* kepada maksud agama, tetapi sebenarnya ia adalah merujuk kepada maksud yang konsisten dalam sistem Al-Quran.

Beliau juga cuba memberi satu tafsiran baharu, yang lebih tepat menurut konteks ayat Al-Quran beberapa perkataan seperti *rijal*, *nisa*, dan beberapa perkataan lagi. Menurut beliau melalui kaedah *The Radical Dissociation Strategy*, seorang muslim itu akan melihat beberapa istilah seperti *yahudi*, *nasara*, *kafir* bukan sebagai satu pecahan merujuk perbezaan agama, tetapi perkataan-perkataan ini akan merujuk kepada sifat, tingkah laku manusia. Melalui kaedah ini, menurut Farouq, Al-Quran akan bebas dari hegemoni persekitaran bahasa yang menganjurkan kepada patriarki dan penindasan yang menatihahkan muslim bersikap agresif dan menindas individu lain.

Penolakan kepada hadis akan menyebabkan penolakan terhadap ketulenan Al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia melalui rasulnya. Sekiranya Rasul SAW dilihat sebagai manusia biasa yang tidak memiliki kema'sumannya, terbuka kepada kesalahan, masyarakat akan mula mempertikaikan pengalaman-pengalaman Rasul SAW tidak berbeza seperti orang yang mengalami gangguan halusinasi semasa penerimaan wahyu oleh Jibril AS. Pada pengakhirannya adalah penolakkan kepada sumber Islam.

## Kekeliruan Hujah Farouq A. Peru

Penulis tertarik dengan apa yang diusulkan Farouq bahawa *din* membawa maksud kontrak atau perjanjian dengan Allah SWT. Tetapi, penulis melihat Farouq tidak cermat dalam memahami maksud *din*. Barangkali beliau sudah mempunyai masalah dengan sumber yang diambil dari disiplin hadis, kerana merasakan wujud usaha pemalsuan hadis-hadis tertentu. Tapi bagaimana pula Farouq melihat beberapa ayat yang menggunakan kalimah *din*, dan kalimah ini tidak digunakan merujuk kepada agama-agama lain, tetapi khusus kepada Islam. Seperti dalam ayat:

إِنَّ الْدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ أَكْلَمُ وَمَا أَخْتَلَفَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَبَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمْ  
الْعِلْمُ بَعْدًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكُفُرُ بِأَيْتَ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ١٩

Ayat ini menunjukkan kalimah *Al-din* itu merujuk kepada agama yang benar, dan beliau tidak memahami konteks keseluruhan makna dan perjanjian yang beliau sendiri maksudkan. Seperti Imam Junayd Al-Baghdadi menjelaskan permulaan perjanjian antara Allah SWT dan manusia sejak dari alam *alastu*, dikenali juga sebagai *al-mithaq* yang merujuk kepada permulaan perjanjian.

Manakala Farouq, jika agama menurut beliau adalah satu bentuk perjanjian, mengapa beliau tidak melihat sebagaimana kehidupan manusia yang bertamadun, pastinya melakukan muamalat dalam urusan jual beli, lalu terjadilah keadaan kedua-dua pihak samada pemutang atau penghutang sebuah perjanjian. Jadi disinilah wujud faham yang lebih dalam, bahawa dengan agama sahajalah seorang muslim mampu membayar hutang kepada Allah SWT. Dan untuk membayar hutang kepada Allah SWT, tidak boleh dengan sewenangnya tanpa mengikut perjanjian yang asal.

Al-Attas telah membahaskan satu bab yang menjelaskan jelas maksud *din* dalam tradisi Islam, dan sangat berbeza dengan faham agama yang difahami oleh Barat. Antara maksud yang penting terkandung dalam *din* adalah:

Keberhutangan

- 1) Penyerahan
- 2) Kuasa Pemerintahan
- 3) Ketaatan

Menurut beliau lagi, walaupun makna setiap perkataan ini kelihatan berbeza antara satu sama lain, beliau menekankan makna keberhutangan untuk maksud yang pertama yakni *dānā*. Maksud keberhutangan ini berkait dengan perjanjian awal antara manusia dengan Tuhan merujuk kepada ayat Al-Quran surah *Al-Araf* ayat 172.

Persoalan seterusnya, apabila Farouq tidak mahu membincangkan hadis sebagai rujukan beliau dalam memahami Al-Quran, bagaimana beliau memahami istilah *al-din* jika tidak merujuk kepada sistem bahasa. Di sini sudah bermula masalah dengan sistem yang dianjurkan Farouq. Makna-makna terkandung dalam Al-Quran dapat difahami hasil tradisi khazanah Islam, seperti Kamus *Lisan Al-Arab* yang ditulis oleh Ibn Manzur, Ibn Aqil dan lain-lain lagi. Sekiranya Farouq mengatakan bahasa Al-Quran adalah sesuatu yang di luar dari pengaruh manusia, bagaimana pula beliau menyeru kita untuk kembali memahami Al-Quran.

Pada hakikatnya, percubaan Farouq ini kelihatan bersifat sekular, sebagaimana yang Plato pernah lakukan bila membahaskan tentang tuhan, beliau mengatakan tuhan tidak mengetahui perkara-perkara *juz'iyyat*. Tindakan ini kerana beliau cuba menquoduskan tuhan dari sifat manusia yang dianggap tidak sempurna. Ini juga yang dilakukan Farouq apabila beliau mengatakan bahasa Arab yang dipertuturkan dalam pertuturan manusia tidak sama sebagaimana bahasa Arab Al-Quran. Kertas kerja ini merupakan satu timbal balik, selain membincangkan kesan khusus idea-idea dan metodologi dari kelompok anti-hadis, namun melakukan satu tinjauan cabaran-cabaran ilmu dalam sains kemasyarakatan yang memberi kesan kepada disiplin ilmu hadis. Salah satu aspek yang harus difahami, bagaimana Islam melihat peranan bahasa yang akan menyentuh bukan sahaja perbincangan tatabahasa, lebih kritikal, bahasa merupakan alat menyampaikan makna yang terkandung dalam jiwa manusia.

Seperti yang disebut oleh Naquib Al-Attas, antara tokoh muslim kontemporari mengatakan bahasa arab tidak mengalami nasib-nasib yang sama seperti dialami oleh Barat. Bahasa Arab cumalah satu, yakni Al-Quran. Al-Quran telah berjaya membawa satu transformasi dalam sistem bahasa Arab. Menurut Al-Attas, ini tidak tepat, kerana pada hakikatnya, Al-Quran sememang telah merubah sifat bahasa Arab sebelumnya. Menurut Al-Attas dalam buku *Prolegomena*, bahasa Arab tidak mengalami proses pemodenan, pencerahan dan lain-lain lagi sebagaimana yang terjadi pada nasib Barat. Ini yang menjadi satu permasalah kepada Farouq, kerana beliau tidak dapat menerima hakikat bahawasanya Bahasa Arab Al-Quran tidak pernah berubah sifatnya. Hakikat kedua, Farouq sekali gagal menghujahkan metodologi yang bagaimana ingin dibawa untuk memahami Al-Quran tanpa

menggunakan hadis yang beliau tegaskan. Hakikat ketiga, kelompok yang menolak hadis berhujah terhadap masalah kemunduran ummat Islam apabila terikat dengan tradisi hadis dalam menjelaskan kefahaman-kefahaman agama.

### **Implikasi Fahaman Anti-Hadis Terhadap Muslim**

Hadis merupakan satu jalan ilmu yakni epistemologi ummat Islam bukan sahaja selepas kewafatan Rasul SAW malah, hadis adalah sumber hidup kaum muslimin semasa Rasul SAW masih hidup. Jika tidak berwaspada dengan ideologi anti-hadis ini, bukan sahaja merosakkan aqidah individu muslimin, malah akan menjelaskan epistemologi Islam yang akan buruk memberi kesan kepada disiplin-disiplin ilmu yang lain seperti akidah, fekah, muamalat dan lain-lain lagi.

i)     Implikasi terhadap Akidah

Hadis merupakan sumber kedua Islam selepas Al-Quran, malah sangat diperlukan untuk menjelaskan maksud-maksud tertentu di dalam nas Al-Quran. Ulama menggariskan hadis di peringkat mutawattir ini seperti Ayat Al-Quran yang wajib diimani dan dipercayai. Dari sudut pemahaman dan akidah, ulama telah bersetuju bahawa darjat sesuatu *mutawatir* itu wajib diterima kerana berpegang dengan satu hadis yang bermaksud; *mustahil ummat aku berkumpul untuk berdusta terhadapku*.

ii)     Implikasi terhadap Amalan

Agama Islam meletakkan Rasul SAW di tempat yang tertinggi sebagai rujukan dalam kehidupan seharian dari sekecil-kecil perkara hingga urusan kenegaraan sebagai muslim. Pertukaran nama Yathrib semasa hijrah Rasulullah SAW kepada Madinah berkait peranan Rasul SAW sebagai rujukan agama dalam kehidupan sosial yang kolektif. Anti-hadis ini adalah cubaan merobohkan autoriti Rasulullah SAW sebagai rujukan. Rasulullah SAW pernah bersabda, yang bermakna “*ummatku yang terbaik adalah tiga kurun yang terawal*”. Ini menandakan Rasulullah telah menyatakan bahawa ummat Islam yang terbaik akidah, akhlak dan sifatnya adalah pada zaman kewafatan Rasul SAW. Sedia maklum, fasa-fasa ini yang melebarkan dakwah Islam keserata tempat. Rasulullah juga bersabda kepada sahabat-sahabat yang berdakwah, untuk merujuk kepada hukum Al-Quran, sekiranya tidak menemui hukum pada Al-Quran, seterusnya melalui baginda sendiri menerusi sunnah-sunnah yang dilakukan Rasulullah SAW, seandainya tidak berjumpa juga hendaklah berijtihad. Ini menandakan para sahabat sebagai sumber hukum dalam melaksanakan sesuatu perkara.

Banyak perkara yang kaum muslimin lakukan pada hari ini bersandarkan kepada Rasul SAW, para sahabat, tabiin dan tabi tabiin. Seandainya, golongan anti-hadis ini menolak authority Rasulullah SAW, pastinya mereka juga menafikan autoriti para sahabat sebagai sumber hukum. Samada mereka berhujah menolak hadis dari sudut periwayatan yakni hadis yang dikumpulkan memiliki masalah dari sudut kesahihahn, atau hakikatnya mereka sendiri memang menolak Rasul SAW. Persoalan akhirnya, bagaimana rupa Islam yang ingin dibawa oleh golongan anti-hadis ini. Bagaimana mereka ingin memahami Al-Quran sebagai sumber rujukan kepada seluruh manusia.

Golongan anti-hadis seperti Kassim Ahmad banyak membawa idea-idea pemodenan Islam, ini melihat pendekatan mereka menolak hadis sebagai sebab ketakutan mereka menerima Islam yang bersifat sederhana dalam persoalan-persoalan kehidupan apabila masyarakat ingin kembali menjadikan Rasulullah SAW dan para sahabat yang dijanjikan sebagai ummat terbaik.

Jika ditelusuri Modernisme terjadi apabila masyarakat Barat berubah menjadi masyarakat yang tercerah, fasa ini menandakan perubahan agama Krisitan yang selama ini menjadikan para paderi sebagai rujukan beralih kepada para Saintis. Modernisme boleh difahami juga sebagai idea penolakan terhadap perkara-perkara keagamaan sejajar dengan faham sekularisme. Dirancakkan lagi dengan penemuan-penemuan dan Revolusi Perancis, menyebabkan peranan institusi gereja semakin diketepikan. Menyebabkan pemisahan terhadap perkara-perkara keduniaan dengan hal keagamaan. Sesuatu yang harus dijelaskan, sifat anti-agama yang ditunjukkan Barat kerana terkesan dengan pengalaman mereka dalam beragama. Apabila institusi Gereja menyekat mereka untuk mengetahui isi kandungan Bible. Pertembungan faham para Saintis yang menyanggah Bible dalam menjelaskan kosmologi alam seperti Nicolaus Copernicus (1473-1543), Martin Luther (1483-1546) dan Galileo Galilei (1564-1642).

Tokoh-tokoh ini antara tokoh yang berkonfrontasi dengan institusi gereja. Martin Luther menolak sistem sijil perwarisan dosa (*indulgences*), manakala Copernicus pula dihukum mati kerana menggagaskan formula matahari sebagai pusat alam dan bukannya bumi. Disini bermulanya faham sekularisme yang menyebabkan konfrontasi antara dua kelompok yakni '*religious man*' dan '*secular man*'. Golongan saintis dianggap secular kerana penolakan terhadap institusi gereja dan agama, begitu kelompok sebaliknya.

Akibat dari pengalaman agama Kristian yang bersifat anti-ilmu, sains telah dianggap berjaya membebaskan manusia dari cengkaman agama. Kerana itu, mereka menolak agama dan ini dirancakkan dengan revolusi industri oleh Perancis. Ini menandakan permulaan fasa yang baharu kepada sejarah Barat yakni fasa pemodenan, bukan sahaja terkesan kepada budaya dan ekonomi malah telah mengubah sifat agama Kristian.

Pada hari ini, seruan 'modenisasi' bukan sahaja terkesan pada agama Kristian, namun telah mencabar kebanyakkan agama besar didunia. Namun, Islam seperti dijelaskan oleh tokoh pemikir kontemporari Prof Naquib Al-Attas tidak mengalami pengalaman yang sama seperti dihadapi oleh Krisitan, Islam tidak bersifat anti-ilmu kepada sesiapa sahaja. Demikian itu, Islam tidak memerlukan sebarang bentuk perubahan seperti yang dialami oleh Kristian. Sunnah Rasulullah pada hakikatnya sesuai dengan sepanjang zaman, namun sunnah yang diamalkan haruslah difahami dengan pendekatan yang berhikmah.

Sekiranya Rasulullah SAW dipertikaikan *authority* hukum, pada siapakah ummat ini akan mencari jawapan atas kecaburan dalam makna-makna Al-Quran. Adakah kelompok anti-hadis ini ingin mengangkat pemikiran mereka sebagai yang paling tepat memahami agama Islam.

### iii) Implikasi Anti Hadis terhadap disiplin-disiplin ilmu yang lain

Pada hakikatnya, pendekatan anti-hadis ini merobohkan disiplin-disiplin yang telah didirikan oleh ulama dan kaum salafus soleh terdahulu. Selain itu, sikap anti hadis ini juga bersifat anti-ilmu. Anti-ilmu yang dimaksudkan adalah menutup pintu perbincangan dan cuba memaksa menerima nilai mereka. Antara bidang yang akan terjejas seperti:-

- 1) Tafsir Al-Quran
- 2) Usul- Fiqh
- 3) Ulum-hadis

Penolakan terhadap hadis, pada hakikatnya akan mencairkan kefahaman "nubuwwah" yang diterima dalam sumber epistemologi Islam. Akhirnya, menjadikan Rasul SAW hanyalah sebagai seorang tokoh sejarah seperti pemimpin-pemimpin

yang lain. Menganggap Rasulullah SAW seperti manusia biasa, akan membuka kepada keraguan-raguan terhadap ketulenan Al-Quran semasa diwahyukan kepada Rasul SAW.

## Rumusan dan Kesimpulan

Farouk A. Peru kehilangan konsep nubuwwah dalam pendekatan kajian beliau, dan menganggap Rasulullah SAW hanya sebagai tokoh sejarawan sebagaimana nabi-nabi yang disebutkan dalam Al-Quran seperti Nuh, Adam dan lain-lain lagi. Para nabi dan rasul telah dibahaskan merupakan manusia yang diberi banyak kelebihan berbanding manusia biasa. Ini sesuatu yang wajib diterima oleh kaum muslimin. Dua aspek yang telah dibincangkan seperti ‘basyar’ dan ‘insan’ adalah yang khusus menerangkan perbezaan antara para nabi, rasul dan manusia biasa.

Basyar merujuk aspek fizikal manusia, dalam ayat Al-Qur'an menjelaskan, Rasulullah SAW mengatakan:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّنْكُمْ يُوَحَّى إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَحْدَهُ فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقاءَ رَبِّهِ فَلَيَعْمَلْ عَمَلاً صَلِحًا وَلَا يُشْرِكُ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ۝ ۱۱۰

Ayat ini merujuk bahawa Rasulullah SAW merupakan manusia sebagai pembawa risalah, bukan dari kalangan jin mahupun malaikat. Rasulullah seperti manusia biasa yang merasai lapar, dahaga memerlukan makanan dan minuman. Selain itu, Rasulullah SAW berzuriat, berkahwin yang membezakan dengan makhluk seperti malaikat yang tidak mempunyai nafsu. Namun dalam aspek keinsanan, ‘Insan’ bukan kalimah yang merujuk kepada jumlah ‘muthanna’, insan merujuk kepada aspek zahir dan bathin manusia itu. Ini dapat difahami kepada sudut kesempurnaan para nabi dan rasul pastilah berbeza dengan manusia biasa khusus aspek batiniah.

Aspek batiniah boleh difahami kepada hal-hal yang tidak terlihat dengan mata kasar seperti ruhaniah. Menurut ulama' mutakallimin yang membahaskan lanjut bahawa *nafs* adalah kesatuan antara akal, roh, hati dan nafsu. *Nafs* tidak terpisah dengan keempat aspek yang disebutkan, peranan fungsi sahaja membezakan antara mereka. Sebagai contoh, ketika seseorang itu membuat keputusan aspek yang digunakan adalah akal, dari sudut mentadbir urusan fizikal, nafsu berperanan dalam menjalankan proses urusan kehidupan, manakala sudut pemurniaan jiwa dan perasaan aspek yang berperanan adalah hati. Oleh itu, aspek kesempurnaan para nabi dan rasul telah dijelaskan berbeza dari manusia biasa. Dalam menanggapi epistemologi ilmu, ummat Islam telah meletakkan para nabi dan rasul berbeza dari manusia biasa.

Pendekatan orientalis mahupun Quranis jika dilihat, telah mencairkan aspek kesempurnaan kenabiaan para nabi mahupun rasul. Jika kita mengkaji perbandingan konsep kenabiaan beberapa agama yang besar dalam dunia seperti Islam, Nasrani mahupun Yahudi, Islam telah memuliakan para nabi dan rasul. Berbeza dengan kitab-kitab kepercayaan agama-agama tersebut yang menggambarkan berlakunya perseteruan antara Nabi dan tuhan. Dalam Bible menggambarkan, Nabi Ya'kob telah bergusti dengan tuhan, akhirnya tuhan kalan dalam pertarungan tersebut. Berbeza dengan Islam, para nabi dan rasul adalah manusia contoh mengikut zaman, dan antara nabi-nabi dan para rasul, Rasulullah SAW yang paling sempurna kerasulannya.

Kecenderungan fahaman ini, menyebabkan kitab-kitab agama lain dirasakan perlu ditafsirkan semula merujuk kepada kenyataan-kenyataan agamawan agama Kristian mahupun Yahudi. Munculnya satu metodologi dalam memahami Bible seperti

Hermeneutik. Hermeneutik adalah pendekatan memahami ayat-ayat dalam sesebuah kajian kitab suci sesebuah agama yang menganalisis sudut bahasa, sejarah, sosial dan aspek-aspek sejarah yang lain. Menurut *The New Encyclopedia Britannica* menulis hermeneutik adalah kajian prinsip-prinsip umum berkait penterjemahan Bible '*the study of the general principle of biblical interpretation*'.

Antara cabaran yang wajar difahami tentang subjek anti-hadis adalah metodologi ilmiah yang digunakan oleh kelompok orientalis adalah jauh berbeza dengan pendekatan keilmuan golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Wajarlah kefahaman tafsir, takwil dan tafwidh diperjelaskan kepada kelompok pelajar khususnya di peringkat pengajian tinggi. Kerana bermula di pengajian tinggi, teori-teori dan metodologi penyelidikan ini diajarkan. Usaha-usaha memperkenalkan kembali prinsip-prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah perlu dijatkan.

Seruan-seruan pendekatan Hermeneutik terhadap al-Qur'an adalah suatu yang tidak boleh diterima, kerana Al-Quran adalah satu kitab yang berbahasa Arab yang mengandungi sistem bahasa dan makna yang jelas dan tidak dimiliki oleh kitab-kitab lain yang memerlukan penterjemahan semula melalui kadah hermeneutik. Hermeneutik akan membuka ruang-ruang relatif dalam masalah penafsiran Al-Quran. Akan timbul fahaman-fahaman yang bebas nilai dan tanggungjawab.

Pengkelompokan hadis membantu masyarakat mengaplikasi hadis. Zaman kini, sesuatu maklumat itu berada di hujung jari, kesalah fahaman sesuatu perkara mudah tersebar melalui media sosial. Selain itu, ilmu-ilmu pengistilahan hadis tidak diajarkan secara berperingkat dalam silibus pendidikan Islam arus perdana, menyukarkan masyarakat awam untuk mengetahui cabaran dalam ilmu hadis. Oleh demikian, cadangan untuk mengelompokkan hadis mengikut tema dan kegunaannya wajarlah dipertimbangkan. Usaha ini untuk memudahkan masyarakat untuk memahami kepentingan sesuatu hadis.

Manakala beberapa hadis yang mengundang polemik dalam masyarakat, seperti beberapa hadis kaum wanita adalah ramai di dalam api neraka wajarlah diperspektifkan dengan cara yang berhikmah. Hadis-hadis ini mengundang masalah untuk kelompok yang memperjuangkan hak kebebasan wanita (feminism). Ini bukanlah bermakna, kita bersikap *apologetic* terhadap tekanan-tekanan yang diberi kelompok feminism ini, namun memahami isu hadis ini terbuka dengan kesalah fahaman yang besar kepada golongan yang tidak memiliki asas yang baik dalam bidang hadis.

## Rujukan

- Ahmad Murad Merican. 2010. *Orientalism in Reporting Religion : Approaches teaching Journalism and Islam as a Civilization*.
- Al-Attas S.M. Naquib. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islām an Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Shehri Mohammed Salem. *Western Works and Views On Hadis: Beginnings, Naturen and Impact*. Marmara Üniversitesi İlahiyat Fakultesi Dergisi.
- Ahmad Kazemi Moussawi. 2010. *Shifts of Language And Turns In Worldview: Naquib Al-Attas' Perspective. Knowledge Language, Thought And The Civilization of Islam Essays in Honor of Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Farouk A. Peru. 2009. *Muslim and the Quran : Towards the Resurrection of a Civilization Impetus*. Critical Thinkers for Islamic Reform : A Collection of Articles from Contemporary Thinkers on Islam.
- Husaini Adian & Al-Baghdadi Abdurrahman. 2007. *Hermeneutika & Tafsir Al-Qur'an*. Yogyakarta: Gema Insani.
- M. Daneshgar. 2012. Qur'ān, Orientalists and Western Scholars. *Al-Bayān Journal*. Department of al-Qur'ān and al-Hadis, Academy of Islamic Studies, University of Malaya. Malaysia.
- Mohd Farid Mohd Shahran. 2015. *Aqidah Dan Pemikiran Islam Isu Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Muhammad Mohar Ali. 1997. *Sīrat Al-Nabi and The Orientalists Vol 1*. A. King Fahd Complex for the Printing of The Holy Qur'an Madinah & Centre for the Service of Sunnah and Sirah Madinah.
- Olu Gbenca Olagunju. *The Relevance of Historical- Critical Method of Biblical Interpretation for the Church In Africa*.
- Siebert W. Becker. *The Historical-Critical Method of Bible Interpretation*.
- Talal Maloushi. 2000. Early *Hadith* Literature and the Theory of Ignaz Goldziher (Thesis presented for the Degree of Doctor of Philosophy in the Department of Islamic & Middle Eastern Studies Faculty of Arts, University of Edinburgh, August 2000).
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2007. *Budaya Ilmu Satu Penjelasan*. Singapura: Pustaka Nasional Singapura.